



Anwar hadir pada Forum Nikkei Medini, Johor 2025 di Iskandar Puteri, semalam.

(Foto Najmi Nor'azam/BH)

JS-SEZ berjaya tarik minat pelabur global

BERITA HARIAN 20 JUN 2025 m/s: 3

Zon ekonomi luar biasa jadi tanda aras baharu kerjasama Malaysia, Singapura

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) sebagai zon ekonomi luar biasa kerana memabatkan kerjasama rentas sempadan, sekali gus memberi tanda aras baharu dalam kerjasama ekonomi dua hala.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, berkata hubungan erat di antara Malaysia

dan Singapura meningkatkan minat antarabangsa terhadap JS-SEZ.

“Jangan memandang rendah kepentingan JS-SEZ. Ini bukan zon ekonomi biasa, sebaliknya telah menarik minat pelabur dari Jepun, China, Korea Selatan dan Eropah yang meletakkannya sebagai lokasi pelaburan global baharu.

“Ini zon ekonomi yang memabatkan dua negara, dibina sepenuhnya atas kepercayaan dan semangat bekerja sebagai satu pasukan yang hebat. Ini yang memabatkan JS-SEZ unik,” katanya ketika berucap pada Forum Nikkei Medini, Johor 2025 di sini, semalam.

Dasar jelas, kestabilan politik

Anwar berkata, kemajuan JS-SEZ bersandarkan dasar yang jelas, kestabilan politik dan sokongan institusi daripada pihak berkuasa

Persekutuan dan negeri.

Katanya, ini termasuk Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia (IMFC) yang baharu ditubuhkan dengan peranan menyenyai pelbagai perkhidmatan memudahkan dan mempercepatkan prosedur kelulusan pelaburan.

“Setiap mesyuarat membawa tuntutan baharu. Jika mereka tidak mendapat kelulusan pada peringkat negeri, mereka datang kepada kami dan kami memudahcara, bukan untuk kepentingan peribadi, tetapi untuk kebaikan dan manfaat lebih besar.

“Sebab itu pusat ini menjadi contoh untuk diikuti agensi negeri dan Persekutuan,” katanya.

Anwar turut mengiktiraf sumbangan Iskandar Investment Bhd (IIB), Khazanah Nasional dan kerajaan negeri dalam merealisasikan JS-SEZ.